

**MY BROTHER MOOCHEE: REGAINING DIGNITY IN THE FACE OF CRIME, POVERTY, AND RACISM IN THE AMERICAN SOUTH**, oleh Issac J. Bailey. 2018. Other Press New York. Halaman 288. ISBN 978-1-59051-860-1.

Diskriminasi merupakan perbuatan atau perlakuan membezakan seseorang atau segolongan orang dengan orang lain atau segolongan yang lain berdasarkan status sosial, suku, kaum, bangsa, etnik, jantina, warna kulit, dan lain-lain. Kebiasaannya, individu atau golongan yang melakukan diskriminasi merasakan dirinya atau golongannya lebih unggul berbanding dengan individu atau golongan lain. Dalam konteks buku ini, diskriminasi dilakukan terhadap orang kulit hitam di Amerika Selatan yang sering menjadi mangsa perhamaan dan dipandang sebagai kaum yang darjatnya lebih rendah berbanding orang kulit putih.

Penulis buku ini, Issac J. Bailey, dilahirkan di St. Stephen, South Carolina, Amerika Syarikat. Selepas mendapat ijazah psikologi dari Kolej Davidson di North Carolina, beliau menyambung pengajian dalam bidang kewartawanan di Institut Poynter di St. Petersburg, Florida. Issac Bailey berpengalaman luas dalam bidang kewartawanan kerana telah melibatkan diri sebagai wartawan profesional selama lebih dua puluh tahun. Selain sebagai wartawan, beliau juga adalah pendidik yang mengajar kursus *Applied Ethics* di Universiti Coastal Carolina, dan kursus kewartawanan di Harvard Summer School, Amerika Syarikat. Issac Bailey aktif menulis dengan cara penulisan yang santai tetapi kritis dan berani berkaitan isu-isu semasa, dan telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat komuniti, kebangsaan, dan antarabangsa.

Buku ini mengisahkan perspektif dan pengalaman Issac Bailey untuk memartabatkan maruah dan nasib bangsa kulit hitam dalam mendepani kehidupan yang mencabar yang terdedah kepada jenayah, kemiskinan, dan diskriminasi etnik di Amerika Selatan. Sebagai seorang warga Amerika Selatan berkulit hitam, buku ini dengan jujur mengangkat kisah peribadi beliau. Dengan latar belakang kewartawanan, kepakaran menulis, pengalaman hidup peribadi, keluarga, dan kerjaya yang terdedah kepada rencam kehidupan kacau bilau di kelilingi isu jenayah, kemiskinan, pembunuhan, rogol, dadah dan sebagainya – karya beliau ini dengan beraninya mencerminkan realiti ketidakadilan, diskriminasi dan hubungan etnik di Amerika Selatan. Buku ini juga memberikan perspektif yang luas mengenai jenayah dan sistem penahanan di Amerika Syarikat, serta kesan negatifnya terhadap individu yang dipenjarakan, orang tersayang, mangsa jenayah, dan masyarakat secara keseluruhan.

Issac Bailey bertemu jodoh dengan Tracy Swinton yang merupakan seorang pendidik dan konsultan pendidikan. Pasangan ini dikurniakan sepasang cahaya mata, lelaki (Kyle) dan perempuan (Lyric). Issac Bailey dan isteri melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan program-program keagamaan di sekolah anak mereka dalam usaha menjadi '*good black people*'. Mereka mementingkan disiplin di samping kasih sayang di dalam keluarga.

Issac Bailey berusaha memupuk nilai-nilai murni dalam keluarganya walaupun menghadapi pelbagai kekangan yang melibatkan tekanan dan dilema dalam diri beliau sendiri serta kekangan dalam masyarakat. Hal ini digambarkan dalam petikan "*and despite all of that, I was standing in my son's room believing hurting him was the way to save him from dangers that had yet to manifest*" dan "*black boys and black girls start off at a disadvantage because of the historical realities that accompany them and their skin wherever they go*" (hlmn 6).

Dilahirkan sebagai seorang lelaki warga kulit hitam kadang kala menjadi taboo dan igauan ngeri beliau. Dalam bidang sosiologi, ini merujuk dengan konsep masyarakat plural (Furnivall, 1948). Menurut Furnivall, semua etnik adalah berbeza, terpisah, terputus, dan etnik mencerminkan tingkah laku seseorang (*ethnicity as a cause*) seperti yang digambarkan oleh Issac Bailey tentang *stereotype* masyarakat Amerika Selatan terhadap warga yang berkulit hitam. “*I was afraid of black boys. The image of them was everything I didn’t want to be. The shameful truth is that a not insignificant part of my mind had so thoroughly absorbed the ugly myths about black boys, I seriously wondered if violent behaviour was the result of an immutable genetic reality unique to those born black and male like me*” (hlmn 2)

Hakikatnya tingkah laku seseorang bukan hanya dimotivasikan oleh etnik tetapi ia boleh diubah berdasarkan kesesuaian dan matlamat yang hendak dicapai, contohnya material, prestij, status sosial dan lain-lain. Ini merujuk kepada konsep *ethnicity as a cause and effect* yang dipelopori oleh sarjana sosiologi moden bernama Michael Banton (1964). Konsep inilah antara perkara yang diketengahkan oleh Issac Bailey dalam buku ini.

Dalam buku ini, Issac Bailey menjelaskan dari kaca mata dan emosi serta jiwa seorang wartawan warga Amerika Selatan berkulit hitam tentang aspek ketidakadilan sistem perundangan jenayah dan kerosakan yang dilakukan kepada keluarga dan masyarakat apabila abang sulung beliau (Mochie), yang beliau anggap sebagai hero dalam keluarga dipenjara selama tiga puluh dua tahun akibat membunuh seorang lelaki warga Amerika berkulit putih. Ketika peristiwa hitam itu berlaku, Issac Bailey baru berusia sembilan tahun.

Issac Bailey menceritakan kisah hubungan rapat beliau dengan Mochie dan pengalaman beliau yang hidup dalam keluarga yang mengalami rasa bersalah dan malu. Beliau juga berperang dengan perasaan sendiri oleh kerana latar belakang keluarga serta pengalaman hidup beliau yang mencabar. Issac Bailey dilahirkan di dalam keluarga yang besar. Beliau sendiri, lapan orang adik beradik lelaki, seorang sepupu lelaki yang tinggal bersama keluarga beliau sejak kecil, dan dua orang adik beradik perempuan. Ibu beliau sangat prihatin terhadap keluarga, namun sering menjadi mangsa dipukul oleh bapa beliau. Issac Bailey hilang hormat dan amat membenci bapanya dan menganggap abang beliau Mochie sebagai hero keluarga kerana sering menyelamatkan ibu beliau daripada kekerasan dan kekerasan yang dilakukan oleh bapa beliau sendiri. Walaupun Mochie dijatuhkan hukuman penjara akibat jenayah tersebut, namun Issac Bailey masih kekal mengangkat Mochie sebagai hero. Kesan daripada pelbagai peristiwa hitam yang berlaku dalam kehidupan beliau, terutamanya penahanan Mochie, menyebabkan Issac Bailey mengalami tekanan emosi dan masalah pertuturan gagap. Ini menjadi halangan utama Issac Bailey di dalam kehidupan peribadi dan kerjaya beliau.

Issac Bailey mengangkat isu *stereotype* yang berlaku terhadap etnik kulit hitam di Amerika Selatan yang sering dilabel sebagai orang jahat dan dikaitkan dengan hal-hal jenayah, kekerasan, keciran dari segi ekonomi, pendidikan, dan sosial. Manakala orang kulit putih dianggap etnik mulia yang jika mereka terlibat sebagai pelaku jenayah mereka tidak dinilai dan diadili dengan cara yang sama sebagaimana etnik kulit hitam. Menurutnya, “*The tipping point came when a man named George Zimmerman killed a boy named Trayvon Martin, a black boy with a baby face like my son’s baby face. It was Zimmerman with the past run-ins with the police, for fighting a cop and being accused of domestic abuse by a former girlfriend. But it was Trayvon who was labelled the thug. The police department decided to*

*ignore a detective who believed Zimmerman was a liar, decided to let Zimmerman go.... as though all he had done was accidentally run over an alley cat" (hlmn 18).*

Dari perspektif Islam, sikap diskriminasi seperti ini adalah jelas tidak bersesuaian dengan ajaran Islam. Islam melarang diskriminasi terhadap orang lain hanya kerana perbezaan tersebut kerana hal ini bertentangan dengan fitrah manusia itu sendiri. Hal ini dijelaskan melalui firma Allah, yang bermaksud "*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)*" (al-Hujurat: 13)

Dari ayat tersebut jelaslah bahawa manusia diciptakan ke muka bumi ini memang berbeza antara satu sama lain (terpisah, terasing, terputus). Ini selari dengan konsep *ethnicity as a cause* dan masyarakat plural yang diperkenalkan oleh Furnivall (1948). Namun, tujuan penciptaan manusia yang berbeza tersebut adalah agar manusia dapat saling kenal-mengenal antara satu sama lain, memahami, menerima, dan menghargai perbezaan tersebut. Perbezaan yang ada juga hendaknya tidak menjadi alasan untuk saling menyakiti, berbuat tidak adil, atau merendahkan manusia lainnya. Ini kerana perbezaan inilah yang akhirnya akan mengikat, memperakui, dan pinjam-meminjam di dalam masyarakat yang mempunyai ciri yang pelbagai ini (*super differentiated society*), yang akhirnya akan menyebabkan batasan etnik tersebut menipis. Hal ini dijelaskan oleh Michael Banton (1964) dalam konsep *ethnicity as a cause and effect*.

Menurut sejarah Islam, pada peringkat awal ketika Nabi Muhammad SAW berjaya menguasai Mekah dalam sejarah yang dikenali sebagai Pembukaan Kota Mekah (*Fath Makkah*), Nabi Muhammad SAW mengarahkan Bilal bin Rabah melaungkan azan sebagai lambang kemenangan. Bilal adalah orang Habsyah (Afrika) yang berkulit hitam. Beberapa orang Muslim berbangsa Arab yang melihat kejadian tersebut berkata, "*Muhammad itu tidak melantik orang yang melaungkan azan kecuali si gagak hitam*". Tindakan mereka itu amat tidak disukai oleh Nabi Muhammad SAW. Dengan demikian, Allah menegur mereka menerusi Al-Quran ayat 11 surah al-Hujurat berikut, "*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk,* (al-Hujurat: 11).

Secara keseluruhannya, isu diskriminasi etnik adalah isu global Sehingga hari ini terdapat pelbagai inisiatif yang telah dijalankan di peringkat komuniti, nasional, dan antarabangsa untuk mengatasi isu ini. Selain itu, terdapat pelbagai kempen yang dilaksanakan dalam usaha mempromosi sikap toleransi dan perpaduan kaum. Namun, isu diskriminasi masih belum bernoktah.

Bagi melaksanakan penghapusan diskriminasi di dalam pelbagai bentuk, satu sasaran yang tepat dan jitu perlu diletakkan sebagai kayu pengukur (*authority defined*). Pelaksanaan peraturan undang-undang yang tidak menjurus kepada diskriminasi sama ada kepada rakyat, pemerintah, maupun pembuat dasar perlu dibuat secara konsisten dan telus. Ini demi meningkatkan pemahaman bahawa setiap manusia tanpa mengira perbezaan jantina, warna kulit, puak, kaum, dan agama mempunyai hak yang sama di sisi undang-undang yang adil, profesional dan bersih.

Sebelum kedatangan Islam, penduduk Madinah hidup secara berkelompok, berpuak-puak, bermusuhan antara satu sama lain, benci-membenci, dan bergaduh sesama sendiri. Semangat *asabiyyah* dan semangat kabilah telah tertanam dalam diri mereka menyebabkan tiada suatu asas yang dapat menyatukan semua segmen di Madinah. Ditambah lagi dengan kelicikan puak Yahudi yang sengaja menyemai permusuhan di antara puak Aus dan Khazraj. Kehadiran Nabi Muhammad SAW ke Madinah atas peristiwa hijrah telah membentuk satu perlembagaan kerajaan Islam pertama yang dikenali sebagai Piagam Madinah. Piagam tersebut digubal oleh baginda dengan pimpinan wahyu dari Allah SWT. Piagam Madinah yang menggunakan kaedah sosiologi mengurus kepelbagaian melalui pemujukan, rundingan, dan pengantaraan (*bargaining, negotiation, mediation*) terbukti berjaya menyelesaikan kemelut dan pertikaian masyarakat, dan menyemarakkan keharmonian serta memupuk perpaduan sosial dalam kalangan masyarakat di Madinah ketika.

Sehubungan itu, pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) boleh menjadikan Piagam Madinah sebagai rujukan dalam menggubal undang-undang dan polisi kerajaan. Ini demi membentuk perpaduan, kespaduan, dan penyatu paduan sosial dalam kalangan masyarakat berbilang etnik agar kemaslahatan seluruh masyarakat terjamin.

**Siti Syuhada Binti Abd Rahman**

Jabatan Ekonomi dan Pengurusan  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor